



فَرَسْتِيكَ بِعَيْنٍ وَخَيْرًا مِنْهَا  
 وَمَجْلِبُوكَ بِمَنْجَبٍ وَكَأَنَّكَ  
 يَا يَاسْنَ إِسْلَامَ كَلْتَن



3756/2  
 Prinsip Perakaunan  
 Kertas 2  
 November 2023  
 2 jam 30 min

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
 SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023**

**PRINSIP PERAKAUNAN 2**

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak diprogram.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	25	
	3	25	
B	4	20	
	5	20	
	6	20	
Jumlah		100	

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

**SULIT**

@2023 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

**Lihat halaman sebelah**

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [19 markah]
- b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022. [6 markah]
3. Perkongsian Dania dan Maria berkongsi untung dan rugi mengikut nisbah modal. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perkongsian Dania dan Maria pada 31 Julai 2022.

	<b>RM</b>
Loji dan mesin	60 000
Inventori	9 000
Akaun Belum Terima	10 350
Modal Dania	30 000
Modal Maria	20 000
Akaun Semasa Dania	14 000
Akaun Semasa Maria	7 650
Akaun Belum Bayar	13 200
Bank	5 500

Pada 31 Julai 2022, pekongsi Dania dan Maria bercadang membubarkan perkongsian mereka kerana Dania akan ke Indonesia bagi melanjutkan pengajiannya. Berikut ialah maklumat yang perlu diambil kira semasa proses pembubaran.

- (i) Inventori diambil alih oleh pekongsi Maria pada nilai 8 200.
- (ii) Perbelanjaan Pembubaran RM 800 dibayar menggunakan cek.
- (iii) Akaun Belum Bayar dijelaskan sepenuhnya dengan cek RM13 000.
- (iv) Loji dan mesin dijual pada harga RM63 000.
- (v) Akaun Belum Terima menjelaskan hutang menggunakan cek RM10 000.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Akaun Realisasi [10 markah]
- b) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan) [2 markah]
- c) Akaun Modal Pekongsi (beruangan) [6 markah]
- d) Akaun Bank [7 markah]

**SULIT**

PERCUBAAN SPM 2023 PRINSIP PERAKAUNAN K2

©2023 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

**Bahagian B****[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan dalam bahagian ini.*

4. Zaini, pemilik Kedai Kasut Zaini menyimpan rekod dengan tidak lengkap. Baki-baki aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	<b>1 April 2022</b>	<b>31 Mac 2023</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Tunai	250	280
Overdraf bank	3 500	3 250
Akaun Belum Terima	4 550	3 880
Inventori	7 870	8 900
Kenderaan	-	60 000
Perabot	2 220	2 220
Akaun Belum Bayar	1 800	2 340
Kadar Bayaran Belum Bayar	-	60
Sewa Prabayar	1 200	-
Pinjaman Bank	-	?

**Maklumat tambahan:**

- (i) Sebanyak RM350 diiktiraf sebagai hutang lapuk.
- (ii) Pemilik mengeluarkan RM120 setiap bulan daripada bank untuk kegunaan sendiri.
- (iii) Pada 1 Disember 2022 pemilik telah membawa masuk perabot bernilai RM700 untuk kegunaan pejabat. Hal ini belum lagi direkodkan.
- (iv) Kenderaan dibeli pada 31 Disember 2022 dengan pinjaman bank.
- (v) Kenderaan dan perabot disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- a) Penyata Mengira Modal pada 1 April 2022. [3 markah]
- b) Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023. [6 markah]
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2023. [11 markah]

**SULIT**

PERCUBAAN SPM 2023 PRINSIP PERAKAUNAN K2

©2023 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

[Lihat halaman sebelah]

5. (a) Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Yannie pada 31 Oktober 2022.

<b>Perniagaan Yannie</b>		
<b>Imbangan Duga pada 31 Oktober 2022</b>		
	<b>Debit RM</b>	<b>Kredit RM</b>
Tunai	800	
Bank (Overdraf)	3 500	
Akaun Belum Terima	4 000	
Akaun Belum Bayar		3 800
Belian	20 400	
Jualan	38 600	
Ambilan		1 000
Pulangan keluar	430	
Pulangan masuk		360
Simpanan tetap	10 000	
Gaji		7 000
Kadar bayaran	350	
Insurans		280
Sewa diterima		1 200
Premis	60 000	
Kenderaan	35 000	
Perabot	6 900	
Angkutan masuk		780
Angkutan keluar		620
Faedah atas Overdraf Bank		230
	<b>179 980</b>	<b>15270</b>

Imbangan Duga tersebut adalah tidak seimbang. **Anda dikehendaki menyediakan** Imbangan Duga tersebut selepas mengenal pasti kesilapan dan ketinggalan butiran. [12 markah]

- (b) Maklumat di bawah berkaitan dengan kad inventori bagi Perniagaan Junainah. Inventori akhir dinilai pada harga kos dan harga pasaran. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Mac setiap tahun.

Kad inventori	1	2	3	4	5	6
Harga kos (RM)	1 980	2 544	1 044	3 297	2 993	672
Harga pasaran (RM)	2 172	2 520	1 116	3 077	2 825	630

**Anda dikehendaki:**

- (i) Menghitung inventori akhir yang akan direkodkan dalam buku Perniagaan Junainah. [2 markah]
- (ii) Merekod nilai inventori akhir dalam Jurnal Am. [3 markah]
- (iii) Merekod nilai inventori akhir dalam lejar. [3 markah]
6. (a) Perniagaan Fauzi menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar. Wang permulaan RM250 diperuntukkan sebagai dana tunai runcit. Berikut ialah penggunaan wang sepanjang bulan Mei 2022.

2022			RM
Mei	1	Baki tunai runcit	40
		Penerimaan tunai daripada Ketua Juruwang	?
	4	Beli pewangi	33
	7	Tambang	25
	9	Pos berdaftar	10
	15	Gaji kerani	600
	18	Sampul surat dan setem	11
	20	Parkir	15
	21	Setem	8
	25	Dakwat	50
	27	Upah pencuci pejabat	55
	30	Lengkapan baharu	800

Sediakan Buku Tunai Runcit sehingga 31 Mei 2022 dengan menunjukkan lajur Pos, Belanja Pejabat dan Belanja Perjalanan. (Lampiran 1) [12 markah]

**SULIT**

PERCUBAAN SPM 2023 PRINSIP PERAKAUNAN K2

©2023 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

[Lihat halaman sebelah]

(b) Penyata Kedudukan Kewangan bagi Perniagaan Maju Enterprise adalah seperti berikut:

	RM		RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>		<b>Ekuiti Pemilik</b>	
Kenderaan	67 500	Modal	?
Alatan pejabat	19 500	Untung bersih	18 528
<b>Aset Semasa</b>		<b>Liabiliti Semasa</b>	
Bank	10 200	Akaun Belum Bayar	6 969
Inventori akhir	12 600		
Akaun Belum Terima	15 600		
	<b>125 400</b>		<b>125 400</b>

Urus niaga berikut berlaku sepanjang bulan Mei 2022 adalah seperti berikut:

- (i) Pemilik membawa masuk komputer peribadi bernilai RM2 500 untuk kegunaan perniagaan.
- (ii) Jualan RM5 550 kepada pelanggan dengan harga RM6 000.
- (iii) Mengeluarkan cek bernilai RM600 untuk membayar sewa kediaman pemilik.
- (iv) Membeli barang niaga secara kredit RM7 300.
- (v) Sekeping cek bernilai RM1 100 dipulangkan kerana cek tak laku.
- (vi) Membayar pembekal RM5 450 dengan cek dan menerima diskaun RM120.
- (vii) Membayar gaji pekerja RM1 500 dengan cek.

**Anda dikehendaki menyediakan jadual persamaan perakaunan.**

(Rujuk Lampiran 2)

[10 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

**SULIT**

©2023 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

Buku Tunai Runcit

	Tarikh	Butir	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Bayaran					
					Pos	Belanja Pejabat	Belanja Perjalanan			

SULIT

PERCUBAAN SPM 2023 PRINSIP PERAKAUNAN K2

©2023 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

[Lihat halaman sebelah

Persamaan Perakaunan

Bil	Kenderaan	Alatan Pejabat	Bank	Inventori	Akaiun Belum Terima	Akaiun Belum Bayar	Modal	Untung Bersih